

## **WAR 49 PERANAN AGENSI KERAJAAN DALAM MENGURUS INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA : ISU DAN CABARAN YANG DIHADAPI**

Farah Mohd Shahwahid, Norazla Abdul Wahab, Syaripah Nazirah Syed Ager,  
Marliana binti Abdullah, Nor 'Adha Abdul Hamid,  
Wawarah Saidpudin, Surianom Miskam, Norziah Othman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

farahms@kuis.edu.my, norazla@kuis.edu.my, nazirah@kuis.edu.my,  
marliana@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my,  
wawarah@yahoo.com, surianom@kuis.edu.my, norziah@kuis.edu.my.

### **ABSTRAK**

Pensijilan halal Malaysia yang diakui sebagai antara yang terbaik di arena antarabangsa adalah pemacu utama kejayaan dan perkembangan pesat industri halal Malaysia. Pencapaian ini membuktikan bahawa usaha proaktif kerajaan Malaysia untuk merealisasikan harapan menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global boleh menjadi realiti. Antara usaha yang dipertengahan adalah dengan memastikan bahawa setiap agensi kerajaan yang terlibat dengan industri ini menjalankan peranannya di samping menekankan kerjasama antara agensi. Tujuan artikel ini adalah mengkaji peranan dan menghuraikan usaha yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat di samping membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam memajukan industri halal di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan dengan metode analisis kandungan dokumen dan temubual bersemuka dengan badan-badan yang terlibat. Hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan dan kejayaan penguatkuasaan industri halal di Malaysia sangat bergantung kepada keberkesanan dan kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap agensi ada peranan penting yang khusus dan kerjasama daripada agensi-agensi lain yang berkaitan adalah perlu dalam menjayakan bahagian mereka.

**Kata kunci** : peranan agensi kerajaan, penguatkuasaan halal, industri halal, Pensijilan halal

### **PENDAHULUAN**

Perkembangan pesat industri halal Malaysia yang telah berjaya menembusi pasaran global terutamanya dalam sektor makanan halal telah melonjakkan nama Malaysia menjadikannya antara negara yang dihormati dan dipandang tinggi. Ia juga menjadikan Malaysia destinasi pilihan untuk memperkembangkan perniagaan berkaitan barangan dan perkhidmatan halal. Pasaran global halal yang dianggarkan kini bernilai USD2.3 trilion dan dijangkakan akan terus berkembang. Pada masa kini, industri Halal Malaysia dinilai pada USD30 bilion dan dijangkakan akan berkembang lagi sebanyak 25% dalam masa 5 tahun akan datang (HDC,2010). Perkembangan pesat ini menunjukkan bahawa industri Halal di Malaysia mendapat sambutan yang positif di dalam negara dan juga di peringkat global. Ia menawarkan pelbagai peluang bagi pengeluar produk dan perkhidmatan kerana permintaan bagi keduanya meningkat seiring dengan pertumbuhan penduduk dunia dan juga penerimaan pengguna bukan Muslim terhadap industri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif HDC, Dato' Seri Jamil Bidin berpendapat bahawa industri halal Malaysia mendapat perhatian dari seluruh dunia pada ketika ini disebabkan oleh potensi pasarannya yang besar dan permintaan yang tinggi. Perkembangan industri dapat dilihat di mana semakin banyak usahawan yang menceburi perniagaan dalam industri Halal. Selain daripada itu, di peringkat global didapati banyak negara bukan Islam seperti Jepun, Korea, Republik Rakyat China, Australia dan Brazil sudah mula melibatkan diri dalam industri ini dan negara-negara ini melihat Malaysia sebagai peneraju pembangunan industri Halal global.

Menurut Alserhan (2010), seiring dengan perkembangan pesat industri halal dunia, terdapat keperluan untuk meluaskan skop industri halal untuk merangkumi pelbagai aspek kehidupan pengguna. Laman sesawang Halal Industry Development Corporation (HDC) menyenaraikan tujuh sektor utama yang membentuk industri Halal iaitu perkhidmatan dan bahan makanan, barang pengguna, kewangan, farmaseutikal, kosmetik, logistik dan pelancongan halal. Ini selari dengan ajaran Islam yang konsep halal haruslah merangkumi kesemua aspek kehidupan daripada makanan dan minuman, kepada sumber pendapatan dan juga barangan yang digunakan.

Melihat kepada skop luas industri ini dan juga menyedari potensi perkembangan industri halal di peringkat dalaman dan antarabangsa, kerajaan Malaysia sangat komited dalam usaha untuk terus menjayakan industri ini. Ini dapat dilihat dengan penganjuran program tertentu seperti Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) dan penubuhan beberapa badan seperti Bahagian Hab Halal JAKIM dan HDC yang telah diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab tertentu berkaitan industri halal. Kerajaan juga telah memperkenalkan konsep Taman Halal (Halal Park) di hampir setiap negeri di Malaysia sebagai satu langkah menggalakan usahawan tempatan untuk menceburi diri dalam penghasilan produk Halal. Langkah-langkah ini jelas menunjukkan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia "*the global halal hub*" (HDC, 2015). Selain itu, pembangunan industri halal di Malaysia juga disokong oleh beberapa agensi kerajaan lain yang bekerjasama dan menyokong peranan yang dimainkan oleh JAKIM dan HDC. Agensi-agensi kerajaan lain yang turut bekerjasama dalam menguatkuasakan undang-undang halal seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Zulkifli, 2007). Tindakan proaktif dan berwawasan yang diambil oleh kerajaan Malaysia seperti inilah yang membezakan Malaysia daripada negara lain dan membolehkan Malaysia menjadi pemain utama dalam industri halal global.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian yang digunakan dalam penyediaan artikel ini adalah kajian kepustakaan dengan metode analisis kandungan dokumen serta temubual bersemuka dengan badan-badan yang terlibat. Pengkaji telah mengadakan temubual tidak berstruktur bersama wakil daripada Hab Halal, JAKIM dan juga HDC. Maklumat tambahan diperolehi daripada rujukan kepada pelbagai dokumen dan laman sesawang rasmi agensi-agensi yang berkaitan. Kajian turut menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap data literatur yang diperolehi daripada sarjana, keratan akhbar dan laman sesawang yang berkenaan. Maklumat yang diperolehi digunakan untuk melihat kepentingan dan cabaran yang dihadapi oleh badan-badan yang berkaitan dengan penguatkuasaan industri halal di Malaysia.

## **DEFINISI HALAL**

Yusuf Qaradhawi (1994) mengatakan bahawa halal merujuk kepada sesuatu yang dibolehkan, yang tiada ikatan larangan padanya, dan diharuskan dari sudut syara' untuk melakukannya). Marco Tieman (2011) mengatakan bahawa konsep Halal dan Haram adalah sesuatu yang bersifat *universal* di mana aplikasinya merangkumi semua aspek kehidupan seseorang insan, daripada aspek ibadah kepada muamalah dan mu'asharah.

Dari tafsiran undang-undang, perundangan utama berkaitan halal di Malaysia, Akta Perihal Dagangan 2011 tidak mengandungi sebarang peruntukan yang memberikan definisi khusus untuk Halal tetapi perundangan subsidiari di bawah Akta tersebut, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 ada mengandungi peruntukan berkaitan dengan takrifan halal di mana mendefinisikan produk halal sebagai tidak mengandungi bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang atau tidak disembelih mengikut hukum syarak dan fatwa, tidak mengandungi najis, tidak memabukkan, tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia, tidak beracun atau memudaratkan kesihatan, tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralat yang dicemari najis, dan tidak bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa yang tidak halal ketika penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan produk tersebut. Takrifan ini menepati konsep *halalan tayyiban* dan syariat Islam (Harlida & Alias, 2014). Malah takrifannya adalah lebih menyeluruh apabila mencakupi makanan, produk bukan makanan dan perkhidmatan berkaitan (Liziana & Mariam, 2014) berbanding Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 yang terhad hanya kepada makanan.

## **SEJARAH PERKEMBANGAN INDUSTRI HALAL MALAYSIA**

Industri Halal di negara ini bermula dengan kesedaran masyarakat Muslim akan keperluan satu sistem pemantauan perusahaan makanan Halal di Malaysia. Oleh sebab itu, pada 1968 Persidangan Majlis Raja-raja Malaysia telah memutuskan perlunya penubuhan satu badan yang membangunkan kemajuan umat Islam Malaysia. Hasil daripada perbincangan tersebut, Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah ditubuhkan. Urusetia ini kemudiannya diubah menjadi Bahagian Ugama, yang terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.

Melihat kepada pentingnya peranan sesuatu badan yang menjaga dan memelihara kepentingan umat Islam, bahagian ini telah dinaiktaraf kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS). BAHEIS mula terlibat secara langsung dalam memberi pengesahan halal kepada makanan dan barangan gunaan di Malaysia bermula 1974. Pengesahan halal pada peringkat ini, diberikan dalam bentuk surat pengiktirafan dan pada awalnya terhad kepada makanan dan produk gunaan yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan. Usaha tersebut dikendalikan oleh Pusat Penyelidikan Islam, BAHEIS.

Bermula 1994, pengesahan Halal tidak lagi dalam bentuk surat pengiktirafan, tetapi dalam bentuk sijil pengesahan Halal kepada pengusaha berserta logo Halal yang akan digunakan atau dipamerkan pada barangan tersebut.

Pada 1 Januari 1997, BAHEIS dinaiktaraf menjadi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pada September 1998, kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk menswastakan tugas pemeriksaan premis bagi tujuan pengesahan halal kepada sebuah syarikat swasta, Syarikat Ilham Daya Sdn Bhd. Manakala aspek-aspek lain seperti pemantauan dan pengeluaran sijil Halal masih dikekalkan di bawah JAKIM.

*“kalau sejarah halal, dia bermula tahun (19)74 kemudian dekat bila dia ada bahagian kajian makanan dan barang gunaan kan, masa dekat BKI... ni dia diberi 100% kepercayaan untuk menguruskan halal. Kemudian bila JAKIM... halal diswastakan di bawah Ilham Daya”*  
(Jafri & Salleh, 27 Julai 2015)

Pada September 2002, kerajaan memutuskan untuk memulangkan semua urusan pengesahan halal di bawah pelaksanaan penuh oleh JAKIM. Tinjauan mendapati bahawa masyarakat mempunyai lebih keyakinan dengan pengesahan yang dilaksanakan oleh sebuah badan kerajaan yang diiktiraf (Salleh, 2015).

Pada tahun yang sama, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk perkembangan meluas industri makanan halal di Malaysia di samping memenuhi keperluan semasa umat Islam, JAKIM telah mewujudkan satu bahagian baru yang dinamakan sebagai Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam (MGI). Tanggungjawab utama bahagian ini adalah untuk menguruskan semua aktiviti berkaitan dengan pengesahan Halal produk makanan dan barang gunaan Islam. Selain itu, MGI juga memainkan peranan sebagai pusat perkhidmatan pensijilan Halal yang mendapat pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa. (Utusan Malaysia). Antara tugas yang dijalankan oleh MGI termasuklah menyelaras, merekod dan menguruskan maklumat mengenai Halal, membuat pemeriksaan rumah penyembelihan dan logi pemprosesan daging dan berasaskan daging di luar negara, mengakreditasi dan melantik badan pensijilan Halal luar negara, menilai permohonan dan menentukan kadar caj perkhidmatan pensijilan Halal bagi negeri.

Melihat kepada perkembangan pesat industri makanan di negara ini serta keperluan semasa umat Islam, maka pada 17 November 2005 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah meluluskan penubuhan satu bahagian baru yang khusus untuk menjaga pensijilan Halal dengan nama baru Bahagian Hub Halal, JAKIM.

Pada 2 April 2008, pengurusan pensijilan halal diambil alih sementara oleh Halal Industry Development Corporation (HDC). Walau bagaimanapun, mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memutuskan pengurusan pensijilan halal dalam dan luar Malaysia dikembalikan bawah JAKIM.

*“... selepas bahagian Islam tu, .... pensijilan halal pernah diswastakan. Kita swastakan setahun HDC yang in charge pensijilan halal. Waktu tu auditor kebanyakan daripada JAKIM dipinjamkan. Itu yang saya ingat tu. Waktu tu pasal HDC adalah syarikat swasta, walaupun kita cakap syarikat milik kerajaan, tapi tulah kepercayaan masyarakat. Masyarakat bila dia fikir swasta mesti benda ni profit, tu yang jadi kat situ dikembalikan kepada kerajaan lah....Tak adalah HDC jual sijil ke apa ke.”*

(Jafri & Salleh 27 Julai 2015)

## **PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN PENGGUNAAN TANDA HALAL**

### **Sebelum Pindaan Akta Perihal Dagangan 2011**

Pada awalnya, tiada badan tertentu yang dilantik untuk mengawal penggunaan pengesahan halal pada barangan yang ada di pasaran. Tiada jaminan untuk pengguna Muslim bahawa barangan yang mereka beli atau guna adalah selamat dan terjamin halal. Pengguna terpaksa

membuat keputusan sekadar bergantung kepada pengetahuan dan kesedaran mereka sendiri. Untuk mengatasi masalah ini dan juga untuk memenuhi permintaan masyarakat, BAHEIS telah menubuhkan Jawatan Kuasa Halal-Haram pada 1982. Jawatankuasa ini kemudiannya diubah kepada Jawatankuasa Mengkaji Makanan dan Gunaan Orang Islam yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang agama dan professional. Menyedari bahawa perkara berkaitan Islam adalah di bawah kuasa negeri, jawatankuasa ini dibentuk di peringkat negeri dan persekutuan. Walau bagaimanapun, jawatankuasa ini menghadapi masalah untuk menjalankan tugasnya dengan efektif kerana tidak mempunyai sebarang kuasa undang-undang dalam menentukan halal-haram makanan atau produk gunaan. Ini kerana bidang kuasa kawalan penggunaan tanda Halal adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) hanya bertindak memberi nasihat mengikut kepakaran dan menjaga aspek pentadbiran sahaja. Walaupun pihak JAKIM atau JAIN mempunyai kepakaran agama, sebarang tindakan penguatkuasaan seperti pemeriksaan atau pemantauan premis perniagaan hanya boleh dilakukan oleh (atau bersama) pihak KPDNHEP. Pengasingan kuasa ini mengganggu kelancaran penguatkuasaan pengesahan Halal kerana ianya tidak mudah untuk kedua pihak berurusan secara serentak.

### **Selepas Pindaan Akta Perihal Dagangan 2011**

Pindaan pada Akta Perihal Dagangan 2011 (APD) yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2012 merupakan titik penting kepada perkembangan industri halal Malaysia. Antara perubahan besar di bawah pindaan ini adalah penambahbaikan telah dilakukan terhadap definisi halal yang kini lebih menyeluruh serta penyeragaman sijil dan logo halal oleh pihak berkuasa berwajib iaitu JAKIM dan MAIN/JAIN. Di bawah APD, pihak berkuasa yang diiktiraf untuk mengeluarkan pensijilan Halal kepada mana-mana produk atau perkhidmatan ialah JAKIM, JAIN atau MAIN sahaja. Dengan pindaan pada APD, tiada lagi badan swasta atau orang persendirian yang diberikan kuasa seumpamanya. Segala permohonan pensijilan halal untuk produk yang akan dieksport perlulah melalui JAKIM, manakala permohonan untuk produk tempatan boleh dibuat melalui JAKIM atau badan Islam negeri tersebut (JAIN/MAIN). Namun pensijilan halal di Malaysia masih bersifat sukarela. Tiada sebarang syarat atau peruntukan undang-undang yang mewajibkan pengusaha sesebuah produk untuk memohon pensijilan halal. (Jafri & Salleh, 2015)

Pindaan APD 2011 turut memperluaskan bidang kuasa pegawai JAKIM dalam aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pengusaha yang menyalahgunakan logo halal pada produk mereka di mana pegawai JAKIM dan MAIN/JAIN akan dilantik sebagai Penolong Pegawai Perihal Dagangan yang diberi kad kuasa oleh KPDNKK (Liziana & Mariam, 2014). JAKIM turut diberi kuasa pendakwaan sama seperti KPDNKK berbanding hanya menjadi saksi sebelum pindaan APD 2011 dibuat (Liziana & Mariam, 2014).

### **PERANAN AGENSI KERAJAAN DALAM INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA**

Terdapat beberapa agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan industri halal di Malaysia. Dua agensi utama yang sering dikaitkan dengan Pensijilan Halal di Malaysia adalah JAKIM dan Halal Industry Development Centre (HDC). Secara khususnya, pensijilan halal adalah di bawah tadbir urus Bahagian Hab Halal, sebuah jabatan khas yang ditubuhkan oleh JAKIM. Kedua-dua agensi ini memainkan peranan yang sangat penting kepada industri halal Malaysia, dan peranan yang dimainkan adalah sangat

berbeza. Bidangkuasa JAKIM adalah tertumpu kepada pensijilan halal dan pematuhan kepada standard halal manakala HDC lebih tertumpu kepada pembangunan industri halal tempatan dan global dan pemasaran produk halal. Selain dari Bahagian Hab Halal, JAKIM dan HDC, beberapa agensi lain yang turut memainkan peranan dalam industry Halal Malaysia ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI), Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Setiap agensi ini mempunyai peranannya sendiri dalam membangunkan industri Halal.

Penglibatan begitu ramai agensi yang berbeza dalam menjayakan industri ini adalah disebabkan skop industri Halal yang sangat luas di mana pertindanan bidang kuasa tidak dapat dielakkan. Selain itu, ketiadaan satu perundangan tunggal yang secara khususnya mengawal selia industri ini secara menyeluruh juga memainkan peranan dalam penglibatan pelbagai agensi kerajaan. Terdapat beberapa perundangan yang berkaitan pemeriksaan dan penguatkuasaan Halal di Malaysia seperti Akta Perihal Dagangan 2011, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua)/Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga), Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, *Animal Rules 1962*, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993, Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran), 1983, Akta Kastam 1967 (Larangan Mengenai Import 1998), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Akta/ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Akta Cap Dagangan 1976. Perundangan-perundangan yang disenaraikan ini memberikan autoriti kepada agensi yang berbeza mengikut skop tugas dan bidang kausa tertentu.

## **PENSIJILAN HALAL**

### **PERANAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

Akta Perihal Dagangan 2011 dan perundangan subsidiarinya dianggap sebagai perundangan utama mentadbir industry halal Malaysia. Walaupun Akta ini adalah di bawah bidang kuasa KPDKKN, ia mengandungi peruntukan yang menggariskan peranan penting JAKIM. Seksyen 29 APD 2011 telah memberi kuasa kepada Menteri KPDKKN bagi melantik pihak berwajib untuk mengeluarkan sijil dan logo halal di Malaysia. Melalui Perenggan 3, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Menteri KPDKKN telah menamakan JAKIM dan MAIN/JAIN sebagai agensi berwajib tersebut.

*“Ini antara undang-undang yang terpakai dalam pensijilan halal yang paling utama dia punya main undang-undang APD 2011. (Jafri & Salleh, 2015)*

### **BAHAGIAN HAB HALAL, JAKIM**

Sebagai badan rasmi yang berautoriti dalam pentadbiran hal ehwal pensijilan halal di Malaysia, Bahagian Hab Halal JAKIM memainkan peranan yang sangat penting dalam kemajuan industri dan kepenggunaan halal di Malaysia. Kajian lepas menunjukkan bahawa tahap keyakinan dan kepercayaan pengguna terhadap pensijilan Halal yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM adalah tinggi. Pengguna akan lebih yakin untuk membeli dan menggunakan produk yang mendapat pengiktirafan Halal daripada JAKIM berbanding dengan pengiktirafan daripada badan lain (Nurza, 2015) Kajian lepas juga menunjukkan bahawa adanya pensijilan Halal JAKIM pada produk tersebut merupakan salah satu faktor

yang mempengaruhi keputusan pengguna untuk membeli sesuatu produk atau tidak (Khaizie et al, 2012). Di samping itu, pihak JAKIM juga banyak mengambil langkah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai berkaitan isu-isu berkaitan status Halal sesuatu produk. Antara usaha yang dijalankan termasuklah menyediakan laman sesawang yang mesra pelanggan dan sentiasa dikemaskinikan. Pihak JAKIM juga mengambil pendekatan terbuka dengan mengalu-alukan pertanyaan dan pandangan dari orang ramai yang boleh menghubungi pihak JAKIM melalui telefon, email dan juga media sosial.

Bahagian Hab Halal JAKIM mempunyai tiga cawangan utama iaitu cawangan dasar dan luar negara, cawangan pengeluaran sijil dan logo Halal, dan cawangan pengurusan Halal. Misi bahagian ini adalah memastikan semua produk yang diberi sijil halal atau yang menggunakan perbendaharaan halal adalah suci dan halal mengikut lunas-lunas syarak. Objektif utama penubuhan bahagian ini adalah untuk melaksanakan sistem pengurusan pensijilan halal berdasarkan standard dan garis panduan berkaitan yang ditetapkan di peringkat antarabangsa selain mengeluarkan sijil pengesahan halal Malaysia selepas bayaran diterima dan pemohon memenuhi segala prosedur dan syarat yang ditetapkan.

*“Ni peranan hab halal, kita ada beberapa cawangan yang mendatangkan operasi berdasarkan kepada fungsi. Pertama kita ada cawangan dasar dan luar negara. Cawangan dasar kita tengok pada polisi, standard semua tu. Dan luar negara satu pengiktirafan rumah sembelih di luar negara. Satu lagi kita akreditasi badan-badan islam luar negara. Yang kedua cawangan pengeluaran sijil dan logo halal, pengeluaran sijil dan logo halal ni audit untuk pemohon baru, cawangan ni akan uruskan. Dari permohonan awal sampai lah dapat sijil. Lepas tu unit kajian dan penilaian bawah cawangan pengeluaran sijil sekali. Yang ketiga unit pemantauan dan penguatkuasaan. Satu dia buat pemantauan biasa, satu lagi penguatkuasaan. Penguat kuasa ni ada yang buat based aduan orang awam, ada yang dari pemantauan, melanggar kita punya syarat da keperluan, kemudian diadakan kepada bahagian penguat kuasa, penguat kuasa akan bertindak. Yang terakhir yang kita punya tulang belakang, pengurusan halal, kita punya admin lah.” (Jafri & Salleh, 2015)*

JAKIM turut mempunyai bidang kuasa untuk membuat pengiktirafan pensijilan halal badan luar negara. Berdasarkan peruntukan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011, JAKIM dibenarkan membuat pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara bagi mengesahkan status halal sumber bahan mentah dan produk siap atau separa yang dikeluarkan oleh negara tertentu untuk tujuan pengimportan. Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bilangan 2 Tahun 2014 yang dikeluarkan oleh JAKIM menyatakan objektif pengiktirafan ini adalah untuk memastikan badan pensijilan halal tersebut melaksanakan tanggungjawab dengan melakukan pensijilan halal dan pemantauan ke atas produk yang dihasilkan di negara berkenaan. Pengiktirafan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang dikenakan oleh JAKIM. Syarat-syarat ini dijelaskan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga). Manual Prosedur Pensijilan Halal ini perlu untuk memastikan tiada kekeliruan tentang kualiti dan kesahihan status halal produk tersebut. Pengimport atau pengeluar produk yang diperakukan sebagai halal oleh badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM hendaklah menandakan produk tersebut dengan logo halal atau nama badan pensijilan tersebut. Pada masa ini, JAKIM telah memberikan pengiktirafan kepada 73 badan Islam daripada 33 buah negara. Pengiktirafan ini boleh digantung atau ditarik semula sekiranya pihak JAKIM mendapati berlakunya ketidakpatuhan syarat yang dikenakan. (JAKIM, 2015)

Badan pensijilan yang berminat mendapat pengiktirafan JAKIM perlu memohon secara terus kepada Bahagian Hab Halal, JAKIM dengan mengisi borang permohonan berserta dengan dokumen-dokumen sokongan. Badan tersebut perlulah sebuah organisasi yang tertakluk kepada undang-undang Negara tersebut. Ia juga perlu mempunyai logo sendiri sebagai sumber identitinya. Audit pematuhan akan dijalankan ke atas badan tersebut dan antara aspek yang dinilai semasa audit pematuhan adalah keupayaan badan pensijilan tersebut bagi melaksanakan pensijilan halal. Hal ini termasuklah aspek sumber manusia, sistem pensijilan, standard atau garis panduan halal, tenaga kepakaran dalam bidang syariah dan teknikal, sumber rujukan fatwa, pengurusan dan pengawalan rekod pensijilan dan pemantauan. Audit pemerhatian juga akan dijalankan di rumah penyembelihan dan kilang atau loji pemprosesan makanan terpilih yang telah disahkan kaedah pengauditan. Pengauditan tersebut hendaklah dilakukan oleh minima dua orang pegawai iaitu seorang daripada da bidang Hal Ehwal Islam dan seorang lagi dari bidang teknikal yang berkaitan mengikut jenis produk atau perkhidmatan yang memohon pensijilan Halal. Hasil audit akan dibentangkan di Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Luar Negara.

Sekiranya permohonan untuk pengiktirafan diluluskan oleh JAKIM, surat perlantikan akan diberikan kepada badan pensijilan tersebut. Senarai badan pensijilan luar Negara yang diiktiraf akan dimuatnaik ke dalam laman sesawang JAKIM. Bagi badan yang gagal dalam permohonannya, dibenarkan untuk memohon semula 6 bulan daripada tarikh surat dikeluarkan setelah tindakan pembetulan dilakukan. Badan pensijilan luar Negara yang mendapat pengiktirafan JAKIM akan diaudit semula selepas tempoh 2 tahun dari tarikh perlantikan.

*“Ya betul. Sebab dia nak import ke Malaysia tu daging dan tenusu dia mesti. Tapi kalau macam masuk secara haram tu tak boleh buat apa-apa. Kebiasaan pasar raya besar, dia akan mention dari mana atau kita boleh tanya. Semak plastik tu dan kat situ akan tunjuk pelan mana, rumah sembelih mana yang keluarkan.”*

*(Jafri & Salleh, 2015)*

*“Kita boleh semak dekat laman web veterinar pelan mana yang justifiedkan. Kalau kita tengok dekat pensijilan halal, godfather dia adalah JAKIM. Tapi kalau daging dia punya godfather dia veterinar. Veterinar yang pengerusikan dalam tu. JAKIM sebagai sebahagian yang meluluskan. Daging tempatan kalau rumah sembelihan JAKIM sahaja....sebab kita akan buat 2 kerja berasingan. Kalau luar negara kita akan pergi audit bersama. Tapi untuk yang rumah sembelih ni, Cuma kita tengok dia certified by veterinar, kadang2 veterinar yang datang check dulu. Veterinar mengesahkan pelan tu okay atau tidak. JAKIM mengesahkan halal atau tidak. Tu untuk daging dan produk tenusu.”*

*(Jafri & Salleh, 2015)*

*“Kalau produk yang lain, produk2 JAKIM ada beri pengesahan halal kepada produk luar negara. Kalau produk tu ada di syarikat Malaysia. Contoh kilang A di Malaysia dia membuat proses pengilangan di Indonesia dan dia nak logo halal...Macam tiba2 syarikat Indonesia, dia pun tak bleh nak pasarkan ke Malaysia dia nak gunakan logo JAKIM, tapi kita tak boleh. Itu antara permohonan yang fasad lah. Lantik agen sebenarnya tak boleh. Pensijilan JAKIM bukan pensijilan yang buat bisnes. Untuk kita melariskan kita punya servis. Tapi kita punya pensijilan adalah untuk memberi khidmat kepada orang Malaysia.”*

*(Jafri & Salleh, 2015)*



*“Kita tengok dalam APD, APD ada gariskan logo-logo halal yang boleh diterima. Mana-mana logo yang badan Islam iktiraf terima. Tapi untuk berlaku lambakan logo halal tidak diiktiraf tu ada. Tu yang kita lebih tekankan dari aspek pendidikan”*

*(Jafri & Salleh, 2015)*

## **PEMBANGUNAN DAN PEMASARAN INDUSTRI HALAL**

### **PERANAN HALAL INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION (HDC).**

HDC atau turut dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Halal telah ditubuhkan pada 18 September 2006 hasil daripada aspirasi YAB Perdana Menteri ketika itu iaitu Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab halal antarabangsa. HDC merupakan satu perbadanan yang ditubuhkan Dalam ucapan beliau ketika pembentangan dalam Rancangan Malaysia Rancangan Malaysia ke 9 pada 31Mac 2006, penubuhan HDC adalah bertujuan untuk membangunkan industri halal di Malaysia secara menyeluruh dan teratur. Antara fungsi HDC ini adalah mengambil langkah-langkah yang akan mempengaruhi pembangunan industri halal untuk membolehkan syarikat yang memasarkan produk halal bergabung dengan pasaran global, membangun dan mempromosikan jenama halal Malaysia, mempromosikan konsep dan servis produk halal di serata Malaysia.

Pada peringkat awal penubuhannya, HDC pernah terlibat dalam pengurusan dan pengeluaran pensijilan halal. Namun tanggungjawab tersebut telah dikembalikan semula kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ianya bertujuan untuk membolehkan HDC memfokuskan kepada usaha-usaha pembangunan hub halal di peringkat antarabangsa. Keputusan ini adalah tindakan yang tepat untuk diambil kerana peranan HDC terbukti lebih berkesan apabila ia lebih tertumpu dengan usaha membangunkan dan menjayakan industri Halal. HDC bertanggungjawab untuk memastikan integriti standard halal, mengekalkan kualiti yang terbaik dan menyediakan penyelesaian yang akan memenuhi tuntutan prinsip-prinsip Syariah dan industri komersial. Maka fokus HDC adalah berkaitan dengan perkembangan industri halal itu sendiri dan tidak terlibat dalam isu penguatkuasaan undang-undang.

*“HDC tidak terlibat dalam isu penguatkuasaan kerana perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa JAKIM.”*

*(Mohd Romzi, 27 April 2015)*

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Jamil Bidin, sejak tahun 2010, HDC telah menyelia lebih 100 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM8 bilion melalui pelbagai usaha pembangunan industri. HDC telah menyediakan bantuan komprehensif kepada pengeluar, pengedar, peruncit, usahawan, penyelidik dan pelabur Malaysia dan multinasional untuk menembusi pasaran halal global yang berkembang. Usaha HDC ini dilihat dalam pembinaan kapasiti, akses pasaran, penjenamaan dan promosi serta akses kepada pembiayaan. Selain itu, HDC telah membantu lebih 700 syarikat halal tempatan ke peringkat global melalui Program Transformasi Perniagaan Halal (HBT) dengan pasar raya besar dan syarikat-syarikat multinasional, termasuk Parkson, Aeon Jusco, Giant, Aeon BIG, Felda D' Saji, LuLu dan Angkasa yang mencatatkan urus niaga perniagaan sebanyak RM850 juta. Selain itu, melalui konsep Taman Halal, HDC telah secara berterusan memudahkan pertumbuhan industri halal Malaysia dalam komuniti perniagaan berorientasikan halal yang dibina di atas hartanah bersama, dengan menyediakan sokongan perkhidmatan infrastruktur.

Setakat ini, terdapat 13 taman halal dengan akreditasi HDC (HALMAS) dan 11 taman halal yang belum mendapat akreditasi HALMAS di seluruh negara, yang berjaya menarik pelaburan bernilai AS\$1.8 bilion. Taman halal di Malaysia kini merupakan satu tempat tarikan kepada syarikat-syarikat asing, terutama syarikat-syarikat multinasional untuk melabur di Malaysia.

Usaha terkini HDC adalah memainkan peranan untuk memacu dan memudahkan pertumbuhan kluster atau sektor industri halal utama seperti kelompok makanan diproses khusus, bahan-bahan halal, kosmetik dan penjagaan diri serta penternakan. Potensi pembangunan kelompok itu adalah penting untuk menjadikan segmen halal sumber baharu pertumbuhan ekonomi negara. Melihat segala pencapaian HDC sejak penubuhannya memberi peluang cerah untuk merealisasikan aspirasi Malaysia untuk menjadi Hab Halal Global pada 2020.

### **PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG HALAL**

Agensi penguatkuasa adalah terdiri daripada KPDKK, JAKIM, JAIN, KKM, JPV, KDRM dan PBT. Mereka perlu meningkatkan persefahaman dan kerjasama dalam penguatkuasaan halal berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing. Sistem perundangan kawalan halal di setiap peringkat perlu dimantapkan dengan mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Sebelum pindaan APD dibuat, bidang kuasa JAKIM selaku pengeluar sijil halal hanya terbatas kepada pemantauan aktiviti para pemegang sijil halal Malaysia sahaja. JAKIM tidak mempunyai sebarang bidang kuasa terhadap produk yang tidak berdaftar atau pihak yang menggunakan logo halal palsu. Kesannya, kuasa yang ada pada JAKIM sangat terhad dan kurang berkesan kerana terpaksa bergantung kepada agensi-agensi lain. Sekiranya kes terlibat berhubung kait dengan logo halal tetapi tidak ada sijil halal atau penggunaan sijil halal yang telah tamat tempoh, ia memerlukan kerjasama dengan KPDKK kerana hanya KPDKK sahaja yang mempunyai kuasa untuk menyita, mengkompon dan mendakwa pemilik syarikat yang melanggar undang-undang berkaitan. Manakala untuk penguatkuasaan yang berkaitan kebersihan premis, kebersihan makanan atau produk, operasi perlu dibuat bersama dengan pegawai penguatkuasa Kementerian Kesihatan. Manakala kes berhubung dengan Akta Haiwan pula akan melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. (Liziana & Mariam)

### **PERANAN JABATAN STANDARD MALAYSIA**

JAKIM turut bekerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia yang bertanggungjawab membangunkan standard untuk makanan halal seperti 'Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS 1500:2009). Standard ini mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri makanan seperti penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambah nutrien). Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan di Malaysia bagi proses pensijilan halal.

Terdapat beberapa standard berkaitan Halal seperti Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS 1500:2009), MS 2200: 2012 Barang Gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan - Garis Panduan Umum, MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam - Bahagian 1: Kosmetik dan

Dandanan Diri - Garis Panduan Umum, MS2424:2012: *Halal Pharmaceuticals – General Guidelines*, MS2400 -1: 2010 *Halalan – Toyoyiban Assurance Pipeline – Part 1: Management System Requirements for Transportation of Goods And/ or Cargo Chain Services*. dan MS 2400 -2:2010 *Halalan – Toyoyiban Assurance Pipeline – Part 2: Management System Requirements for Warehousing and Related Activities*.

*“Kita dengan Jabatan Standard Malaysia, dia merupakan jabatan yang membangunkan standard kita. Dia adalah pemilik standard. Sebenarnya sebelum ni, pada awal 2000 tu, jabatan standard pernah membangunkan standard halal tapi standard tu tidak diguna pakai. Sebab jabatan tu dia bangunkan sendiri, dia tak ada consult dengan JAKIM ke apa. Jadi bila benda tu berlaku, standard tu tak dapat digunakan ada siap tapi tak dapat digunakan. Kita pun tak tahu macammmana nak gunakan. Hinggalah pada tahun 2003, ditubuhkan satu jawatankuasa, kat situ JAKIM dilibatkan dia jadi pengerusi satu jawatankuasa tu untuk bangunkan standard. Itulah standard makanan halal semua tu yang MS15:2004. Bila tu dibuat baru kita bleh guna. Baru kita buat sebagai rujukan. Kemudian MS tu kita revise 2009. First, 2004 tapi sebenarnya sebelum tu dah ada dah standard halal. Cuma sebelum tu kita tak tahu macammmana nak guna. Tak bersesuaian dengan keperluan kita. Lepastu macamm-macam standard dibangunkan dan standard yang pada halal sekarang ada 10. 10 tu termasuk yang untuk sekarang ni yang patuh syariah”.* (Jafri & Salleh, 27 Julai 2015)

## **PERANAN JABATAN VETERINAR**

Jabatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terlibat dengan pensijilan halal khususnya untuk daging import. Ini kerana, telah menjadi syarat bahawa rumah sembelihan di luar negara perlu mendapat pengiktirafan untuk mengimport daging ke Malaysia. Rumah sembelihan ini akan dilawati oleh tiga orang pegawai daripada Malaysia. Mereka ialah pegawai daripada Jabatan Veterinar yang akan memeriksa keadaan haiwan ternakan tersebut, pegawai daripada KKM yang akan memeriksa keselamatan makanan haiwan ternakan dan pegawai daripada JAKIM yang akan memastikan bahawa prosedur penyembelihan adalah mengikut hukum syarak. Setelah mendapat pengesahan daripada ketiga pihak ini barulah semua daging atau produk tenusu yang diimport ke Malaysia secara sah adalah diiktiraf sebagai halal. Ini adalah selari dengan syarat yang terkandung dalam Akta Binatang 1953 (semakan 2006).

*“Dia macam ni daging nak masuk Malaysia, dairy susu semua dia terletak di bawah Akta Veterinar. Kita cerita tentang daging halal tau. Veterinar dia tetapkan daging-daging nak masuk Malaysia mesti di sahkan halal. Kat situlah pegawai veterinar dan pegawai jakim akan pergi ke rumah sembelihan sana, kita akan check apa semua, kalau kita tengok check daging masuk Malaysia, kita bentangkan dalam mesyuarat. Mesyuarat tu, form daripada JAKIM dan veterinar, kita sahkan halal baru dia dapat dibenarkan untuk dibawa ke Malaysia.”* (Jafri & Salleh, 27 Julai 2015)

*“Kita boleh semak dekat laman web veterinar pelan mana yang justifiedkan. Kalau kita tengok dekat pensijilan halal, godfather dia adalah JAKIM. Tapi kalau daging dia punya godfather dia veterinar. Veterinar yang pengerusikan dalam tu. JAKIM sebagai sebahagian yang meluluskan. Daging tempatan kalau rumah sembelihan JAKIM sahaja....sebab kita akan buat 2 kerja berasingan. Kalau luar negara kita akan pergi audit bersama. Tapi untuk yang rumah sembelih ni, Cuma kita tengok dia certified by veterinar, kadang2 veterinar yang datang check dulu. Veterinar*

*mengesahkan pelan tu okay atau tidak. JAKIM mengesahkan halal atau tidak. Tu untuk daging dan produk tenusu.”* (Jafri & Salleh, 27 Julai 2015)

## **PERANAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

KKM adalah salah satu agensi kerajaan yang banyak berkerjasama dengan JAKIM dalam urusan pensijilan halal tempatan dan luar negeri. Selain daripada terlibat dalam pentauliahn badan Islam luar negara, KKM turut memainkan peranan untuk mengesahkan keselamatan produk makanan, suplemen dan juga perubatan. Di bawah Akta Makanan 1983, dan peraturan-peraturan di bawah AKta ini, ada mengandungi peruntukan berhubung perlabelan, amaln kebersihan dan keselamatan makanan.Hanya setelah mendapat pengesahan daripada KKM, maka sesuatu produk itu boleh dipertimbangkan untuk pensijilan halal. Syarat ini terpakai untuk sebarang produk makanan dan suplemen kesihatan.

Selain itu, KKM juga memainkan peranan dalam mengesahkan keselamatan rumah sembelih luar negara yang memohon pengiktirafan pensijilan Halal luar Negara.

*“Untuk satu produk yang nak claim khasiat ke apa ke dia perlu dapatkan pengesahan daripada KKM. Selepas dia dapat pengesahan tu barulah kita boleh bagi halal. Cuma kalau kiranya produk tu dapat sijil halal kita, kita tak check masa dia buat tu dia claim tu betul ke tidak betul, tapi sekiranya KKM ambil tindakan pada dia atas kesalahan claim salah kan,kita ambil tindakan dan kita pun akan tarik sijil halal. Sebab dalam peraturan kita menyebut dia kena patuh dengan semua undang yang berkait. Jadi automatic...”* (Jafri & Salleh, 2015)

## **PERANAN JABATAN KASTAM DI RAJA MALAYSIA (KDRM)**

Akta Kastam 1967 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1988 telah memberi kuasa kepada Kastam Diraja Malaysia berhubung isu pengimportan dan kemasukan produk halal daripada luar Negara. Pihak KDRM memainkan peranan dalam penguatkuasaan Halal sebagai satu '*cross border agency*' bagi kemasukan barang-barang ke Malaysia dari luar negara dan sebaliknya dimana ia menjalankan tugas-tugas bersama jabatan lain seperti Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan JAKIM sendiri.

Pada Konvensyen Penguatkuasaan Halal Peringkat Kebangsaan 2012, isu kepentingan kerjasama antara kedua badan ini dibangkitkan. Usaha kerjasama di antara JAKIM dan KDRM dalam pengendalian tugas-tugas yang berkaitan di pelabuhan antaranya seperti memeriksa dan mengesahkan butiran mengenai pengesahan halal oleh badan-badan Islam yang diiktiraf bagi kemasukan daging, memeriksa dan memantau semua daging dan produk berasaskan daging yang memasuki negara ini bagi memastikan sememangnya halal. KDRM juga membantu dengan menyediakan latihan yang bersesuaian latihan kepada pegawai-pegawai JAKIM sebelum dihantar untuk bertugas di pelabuhan-pelabuhan yang telah ditetapkan.

## **PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Pihak PBT seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Daerah dan sebagainya memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan pensijilan Halal di Malaysia. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan seperti Peraturan Premis Makanan serta Pelesenan Perniagaan dan Pengiklanan, bidang kuasa diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan kebersihan premis makanan. Setiap peniaga harus memastikan premis dan makanan yang dijual adalah bersih. Secara tidak langsung pihak berkuasa tempatan dapat membantu mempromosikan kebaikan-kebaikan produk halal yang sepatutnya merangkumi aspek kesihatan (*healthy*), kebersihan & keselamatan (*clean & safe- hygiene*), berkhasiat (*nutritious*) dan berkualiti (*quality*) (Mohd Romzi, 2015).

## **CABARAN AGENSI KERAJAAN DALAM MEMBANGUNKAN INDUSTRI HALAL MALAYSIA**

1. Memberi kefahaman tentang konsep dan undang-undang halal kepada pengusaha Muslim dan bukan Muslim.

Masih ramai pengusaha yang belum memahami dengan mendalam mengenai konsep dan perundangan halal. Ini terbukti apabila masih terdapat pengusaha yang secara terang-terangan menggunakan kenyataan ditanggung halal, *pork/alcohol-free*, buatan Muslim, produk bumiputra dan sebarang pernyataan yang membawa makna produk tersebut mendapat pengesahan halal dari badan berkuasa berwibawa. Ramai pengusaha tidak mengetahui bahawa menjadi kesalahan untuk mereka membuat kenyataan yang produk mereka adalah ditanggung halal sekiranya mereka tidak mendapat pengesahan daripada JAKIM. Terdapat juga pengusaha yang cuba menggambarkan bahawa barangan atau perkhidmatan mereka adalah halal dengan menggunakan nama yang berimej Islam, atau dengan menggajikan pekerja bumiputra atau Muslim yang menutup aurat di premis perniagaan. Contohnya, di medan selera kebanyakan kompleks perniagaan, pengusaha bukan Muslim akan meletakkan pekerja atau tukang masak beragama Islam atau menutup aurat di hadapan kaunter. Mereka beranggapan tindakan tersebut sudah memadai untuk membenarkan mereka mengatakan premis mereka itu halal.

Terdapat pengusaha dan juga ahli masyarakat yang memberi pendapat bahawa ianya adalah tanggungjawab pihak berkuasa untuk memastikan bahawa semua produk mendapat pengesahan taraf halal. Kenyataan ini adalah tidak tepat kerana di Malaysia, permohonan halal adalah bersifat sukarela. Kerajaan tidak akan memaksa pengusaha untuk memohon pensijilan Halal tetapi menyerahkan keputusan tersebut kepada pengusaha sama ada inginkan produk mereka mendapat pensijilan halal atau tidak. Contohnya, setiap kali sesebuah kes berkaitan status Halal sesuatu produk menjadi *viral*, masyarakat dengan mudah akan menuding jari menyalahkan pihak JAKIM sedangkan penguatkuasaan adalah berbentuk *inter-agency* dan ada kalanya, pengusaha produk tersebut memang tidak pernah memohon pensijilan Halal dan tidak pernah membuat pernyataan bahawa produk mereka adalah Halal. Ianya hanya menjadi kesalahan apabila pengusaha yang tidak memohon pengesahan menggunakan pengesahan palsu.

*“Di Malaysia, untuk memohon sijil halal ini adalah voluntarily. Terpulang kepada individu itu sendiri berdasarkan pemahaman mereka akan kepentingan dan kebaikannya “*  
(Mohd Romzi, 27 April 2015)

2. Memberi kefahaman kepada pengguna dan rakyat Malaysia secara amnya mengenai proses pensijilan Halal dan bidang kuasa dan peranan setiap badan yang terlibat.

Seperti yang telah dibincangkan, penguatkuasaan industri Halal di Malaysia berbeza dan lebih kompleks berbanding kebanyakan negara lain. Berbeza dengan negara lain seperti Thailand, Australia dan selainnya, di mana pemantauan dan penguatkuasaan adalah dijalankan oleh badan bukan kerajaan atau oleh pusat komuniti Muslim negara tersebut, penguatkuasaan di Malaysia dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan yang bertauliah, dan setiap agensi mempunyai bidang kuasa dan peranan yang tersendiri.

Walaupun pengesahan halal ini telah diperkenalkan di Malaysia sejak 1974, masih ramai yang keliru atau kurang sedar mengenai peranan agensi-agensi yang terlibat. Ramai pengusaha juga tidak mendapat maklumat yang tepat mengenai prosedur permohonan pensijilan halal. Terdapat kes di mana pengusaha gagal dalam permohonan untuk pensijilan halal kerana telah diberikan nasihat atau maklumat yang tidak tepat. Masih ramai yang mempunyai pendapat negatif mengenai proses permohonan dengan beranggapan bahawa prosesnya adalah rumit dan menelan belanja yang tinggi. Masih ramai lagi masyarakat Malaysia yang tidak menyedari mengenai kewujudan HDC, dan merasakan bahawa segala urusan berkaitan industri halal adalah di bawah tanggungjawab JAKIM.

Tahap kesedaran yang rendah dan sikap kurang prihatin mengenai pelaksanaan industri Halal ini merupakan faktor utama yang menerangkan mengapa masih ramai pengusaha, terutamanya pengusaha bumiputera yang masih enggan untuk membuat permohonan pengesahan Halal, suatu langkah yang akan merugikan pengusaha itu sendiri dan juga industri perusahaan kecil dan sederhana (IKS) secara amnya. Sebagai contoh, berdasarkan maklumat dari pihak JAKIM bagi tahun 2009, didapati bahawa sebanyak 1,907 permohonan telah diterima daripada pengusaha untuk mendapatkan sijil halal. Daripada jumlah tersebut, hanya 622 permohonan diterima daripada pengusaha bumiputera manakala selebihnya, iaitu 1,285 permohonan lagi adalah daripada pengusaha bukan bumiputera. Daripada 622 permohonan usahawan bumiputera tersebut, hanya 301 berjaya mendapatkan sijil halal. Jumlah ini adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan jumlah sebenar usahawan IKS bumiputera yang aktif menjalankan perniagaan di seluruh negara. (Utusan Online, 2014)

*“Dalam menggalakkan permohonan logo halal di kalangan pengusaha. Lebih ramai bukan Islam yang membuat permohonan. Antara alasan ialah permohonan untuk sijil halal ini adalah mahal dan mereka kurang kemampuan. Namun hakikatnya permohonan tersebut adalah pada harga murah dan mampu”.*  
(Mohd Romzi, 2015)

3. Membentaras kesalahan berkaitan pensijilan Halal. Antara isu yang sering timbul adalah seperti:
  - i. penggunaan sijil halal palsu;
  - ii. penggunaan sijil halal daripada badan luar negara yang tidak diiktiraf, atau pengiktirafan yang telah digantung/ditarik balik;

- iii. penyalahgunaan tanda/logo/sijil halal ( Ini termasuklah isu menggunakan papan tanda Halal sendiri, mempamerkan sijil kehadiran ke kursus latihan Halal seolah-olah menunjukkan produk mendapat pensijilan Halal)
- iv. penyebaran maklumat palsu dan tidak tepat tanpa mendapatkan pengesahan daripada pihak JAKIM.

Langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah berikut kerana ia memberi kesan negatif kepada perkembangan industri Halal di Malaysia. Kerjasama yang jitu antara agensi-agensi yang terlibat untuk menyebarkan maklumat yang tepat kepada orang ramai dan juga dalam menjalankan tugas pemantauan dan penguatkuasaan adalah antara langkah penyelesaian yang dicadangkan.

#### 4. Pertindanan Bidang Kuasa Antara Agensi

JAKIM adalah badan utama yang terlibat dalam pensijilan dan penguatkuasaan Halal di Malaysia. Namun peranan JAKIM disokong oleh beberapa agensi lain di mana setiap agensi tersebut mempunyai peranan, bidangkuasa dan perundangan tersendiri (Che Rosmawati, 2015; Norazilawati, 2015, Liziana & Mariam, 2014; Jafri & Salleh, 2015). Antara agensi yang terlibat ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) , Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

*“Ini antara undang-undang yang terpakai dalam pensijilan halal yang paling utama dia punya main undang-undang APD 2011. Yang kedua pasal produk yang berkaitan dengan makanan, terikat dengan Akta Makanan. Untuk rumah sembelih terikat Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962 dan untuk produk daging dan tenusu terikat dengan Akta Kastam. Kalau kita tengok Enakmen atau Akta Jenayah Syariah pun ada menyebut kesalahan halal lah. Tapi ikut sebahagian negeri. Kelantan, Terengganu. Pahang, Johor , Selangor dan Kedah. Yang lain tak ada. Dan Akta kecil undang-undang PBT.”* (Jafri & Salleh, 2015)

Ini menunjukkan tiada satu undang-undang khas atau akta ibu yang boleh dirujuk berkaitan halal. Perundangan sedia ada adalah terpisah antara satu sama lain (Zalina,2014; Che Rosmawati, 2015).

#### 5. Penguatkuasaan Undang-undang Halal

Sebelum pindaan APD 2011, penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan berkaitan produk halal dilihat kurang berkesan dan sukar untuk dilaksanakan kerana ia dijalankan oleh dua badan yang berbeza (Zulkifli, 2007). Pada masa itu, JAKIM hanya bertindak sebagai pemantau, pengesah kesalahan dan menjadi saksi manakala pendakwaan hanya boleh dilakukan oleh KPDNKK (Zulkifli, 2007; Liziana & Mariam, 2014). Pindaan pada APD 2011 telah memberikan kuasa kepada JAKIM dan MAIN di mana pegawai JAKIM telah dilantik menjadi Penolong Pegawai Perihal Dagangan dan diberi kad kuasa untuk memberi amaran, menggantung atau menarik balik lesen perniagaan. Kad kuasa ini telah memberikan pegawai JAKIM kuasa yang sama seperti pegawai penguat kuasa KPDNKK. Namun untuk memperolehi sabitan,

siasatan dan pendakwaan yang dilakukan mestilah cekap dan mantap (Tun Abdul Hamid, 2015). Maka cabaran yang perlu dihadapi oleh JAKIM ialah pegawai JAKIM yang terlibat dalam pendakwaan mestilah mempunyai kelayakan untuk beramal di Mahkamah Sivil kerana kuasa pendakwaan produk halal ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil (Zulkifli, 2007). Mereka perlu didedahkan dengan prosedur-prosedur berkaitan pemantauan, penyiasatan, serbuan dan juga undang-undang berkaitan seperti Akta Keterangan dan Kanun Prosedur Jenayah (Mustafa & Azlin 2014; Liziana & Mariam, 2014) selain menghadiri kursus pendakwaan yang dianjurkan oleh KPDNKK (Liziana & Mariam, 2014).

Namun sehingga hari ini belum ada pendakwaan dilakukan oleh pegawai JAKIM mengenai kes-kes halal. Kebanyakan kes pendakwaan telah dilakukan oleh KPDNKK. Ini membawa maksud bahawa penyiasatan dan pendakwaan oleh pihak JAKIM masih belum diuji (Tun Abdul Hamid, 2015). Bagi kesalahan penyalahgunaan tanda halal di bawah seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, kuasa untuk melakukan pendakwaan adalah terletak pada Ketua Pendakwa Syarie (Zulkifli, 2007; Liziana & Mariam, 2014). Persoalannya adakah kuasa pendakwaan yang telah diberikan kepada pegawai JAKIM benar-benar boleh direalisasikan?

6. Menambah baik sistem penguatkuasaan dan pengawalan pematuhan standard dan integriti halal di kalangan pengusaha.

Dari masa ke semasa, akan timbul kes di mana pihak penguatkuasa JAKIM terpaksa menggantung atau menarik semula pensijilan Halal yang diberikan kepada pengusaha kerana ketidakpatuhan syarat. Contoh yang terbaru adalah penggantungan sementara sijil Halal restoran Secret Recipe dan kilang roti Sweeties kerana kesalahan berkaitan kebersihan. Di sini, agensi penguatkuasaan perlu lebih berusaha untuk mengawal pematuhan standard di kalangan pengusaha dan pengusaha pula perlu lebih komited dan bertanggungjawab memastikan produk mereka adalah patuh Syariah dan standard Halal yang telah ditetapkan.

## **RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, peranan yang dimainkan oleh badan-badan kerajaan yang terlibat dapat dibahagikan kepada beberapa bidang utama seperti;

### **1) Pengurusan**

Secara langsungnya, badan yang banyak bertanggungjawab dalam pengurusan industri Halal adalah JAKIM dan HDC. Bahagian Hab Halal JAKIM dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan memantau aspek pensijilan Halal dan penguatkuasaannya manakala HDC memainkan peranan dalam memperluaskan perkembangan industri Halal di peringkat antarabangsa. Agensi-agensi lain memainkan peranan sokongan yang tertumpu dengan bidang kuasa masing-masing. Contohnya, dalam aspek pentauliahan pensijilan Halal badan luar negara, pihak JAKIM akan bersama-sama dengan KKM dan pihak Jabatan Veterinar dalam memastikan kesesuaian badan tersebut untuk mengeluarkan sijil Halal yang diterimapakai di Malaysia. Dalam aspek penguatkuasaan pensijilan Halal tempatan, pegawai JAKIM banyak mendapat sokongan daripada KPDKKN, KKM dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Negeri dan Majlis Daerah.



## 2) Penyelidikan

Menyedari bahawa penyelidikan adalah penting untuk perkembangan industri halal, kedua-dua JAKIM dan HDC banyak bekerjasama dengan pelbagai pusat penyelidikan dan juga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia untuk menjayakan pelbagai jenis kajian penyelidikan yang berkaitan dengan industri Halal. Ini membawa kepada penubuhan beberapa institusi penyelidikan berkaitan bidang Halal seperti Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) (UPM) Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) (USIM), Institut Penyelidikan dan Latihan Halal Antarabangsa (INHART) (UIA). Peranan penting badan penyelidikan dalam industri ini tidak dapat dinafikan. Selain daripada dapatan kajian daripada penyelidikan yang dijalankan, pusat penyelidikan seperti IPPH juga membantu memberi perkhidmatan sokongan kepada pihak JAKIM dengan meminjamkan makmal dan peralatan kepada pihak JAKIM. (Jafri & Salleh, 2015)

## 3) Usaha Pendidikan dan kesedaran

Dari masa ke semasa, agensi-agensi kerajaan mengambil langkah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pengusaha dan pengguna mengenai konsep Halal Toyyiban dan kepentingan pensijilan Halal. Ini adalah penting untuk membina akauntabiliti dan penerimaan daripada pihak pengusaha untuk menekankan integriti Halal dalam menjalankan perniagaan mereka. Pengguna pula akan mendapat faedah kerana akan lebih yakin membeli dan menggunakan produk yang telah disahkan status Halal. Usaha mendidik dan memupuk kesedaran ini dilakukan melalui program-program pendidikan di sekolah, pameran halal, kempen di media massa dan aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu, Agensi kerajaan seperti JAKIM dan HDC turut mengedarkan risalah dan artikel berkaitan pensijilan dan industri halal untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai dan pengusaha yang berminat. HDC juga menyediakan satu pusat pengurusan pengetahuan yang komprehensif di premisnya untuk pihak-pihak yang berminat mendapatkan sebarang maklumat berkenaan industri Halal.

## 4) Pembangunan tenaga kerja dan kepakaran Halal

Perkembangan industri Halal yang semakin pesat memerlukan tenaga kerja dalam pelbagai aspek berkaitan Halal untuk menyokong permintaan dalam industri, termasuklah untuk menjalankan aktiviti perhubungan awam dan pemasaran, menggalakkan dan membangunkan keupayaan untuk penasihat atau perunding Halal, penyelia penyembelihan Halal, dan eksekutif Halal bagi organisasi.

*“Tenaga manusia ni dari halal ni ada dua. Satu tenaga manusia dalam agensi, yang buat pensijilan, penguatkuasaan. Satu tenaga manusia peringkat industry tu. Nak operasi halal dekat industri, itupun perlukan tenaga manusia dekat situ. Dua tenaga manusia. Satu di peringkat agensi, peringkat penguatkuasa, pensijilan. Tu satu. Ada dua. Kita memang, umum sekarang ni sebab halal ni baru kan dan dari segi pengetahuan kurang lagi lah. Banyak benda yang perlu dibangunkan. Kita sendiri pun kena selalu belajar selalu kan. Sebab tu kita sekarang ni kita bangunkan satu majlis professional halal, untuk set satu medan, untuk kita fikirkan bagaimana nak bangunkan.”*

(Jafri & Salleh, 2015)

*Dia ada dari kementerian pertanian, Kesehatan, standard banyak lah. Ada swasta, pakar. Yang tu kita kena fikirkan untuk keperluan sumber manusia, industri dan juga modal insan.*

(Jafri & Salleh, 2015)

Setiap agensi kerajaan yang terlibat ada peranan penting yang perlu dijalankan. Perkembangan industri halal Malaysia adalah hasil daripada usaha dan kerjasama semua pihak yang terlibat. Namun beberapa penambahbaikan perlu diberi perhatian seperti meningkatkan persefahaman dan kerjasama antara agensi terbabit dalam penguatkuasaan undang-undang berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing. Dari masa ke semasa, mungkin akan timbul isu pertindanan kuasa atau kekeliruan maklumat. Masalah ini mungkin boleh diatasi dengan penubuhan satu suruhanjaya khas yang memantau dan mengawal selia segala urusan berkaitan Halal dan juga penggubalan Akta Halal pada masa hadapan.

### **PENGHARGAAN**

Artikel ini adalah salah satu hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1, 2015; Geran Penyelidikan Primer (GPP), Kolej Universiti Islam Selangor.

## RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang &Zulzaidi Mahmud. 2012. Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia. *Shariah Journal*. 20(3):271-288.
- Al-Qaradhawi, Yusof, *al-Halal wa al-Haram*. Maktabah al-Islami, Beirut, 1994.
- Che Rosmawati Che Mohd Zaina, Suhaimi Ab Rahman, Zahira Mohd Ishak & Shamrahayu. 2015. Jurisdiction and Prosecution of Halal Matters in Malaysia: Challenges and Prospect. *Procedia- Social and Behavioral Science*.172:294-300.
- Dewan Ekonomi. Oktober 2011. Transformasi Industri Halal. [http://e-muamalat.gov.my/sites/default/files/kertas\\_ilmiah/2012/03/transformasi\\_industri\\_halal.pdf](http://e-muamalat.gov.my/sites/default/files/kertas_ilmiah/2012/03/transformasi_industri_halal.pdf). Retrieved on 7 October 2015
- Halal & Innovation – Creating New Wealth Towards The Nation’s Economy. 2014. HDC
- Halal Initiatives In Healthcare Industry. October 2015. HDC
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. 2014. HalalanTayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. 1:103-120
- HDC Bawa “Program Halal Outreach (HOPE) 2015 ke Melaka. 20/5/2015. <http://bernamamrem.com/mrembm/viewsm.php?idm=7972> 20/05/2015. Retrieved on 10 October 2015
- HDC Catat Kecemerlangan Pembangunan Industri Halal Selama Tujuh Tahun, 7/10/2013. [http://www.moa.gov.my/bernama;jsessionid=5146F4C6208F2C7E71A22F2B2E6C7233?p\\_p\\_id=rssarchievementmoa\\_WAR\\_rssbernamamoaportlet&p\\_p\\_lifecycle=0&p\\_p\\_state=pop\\_up&p\\_p\\_mode=view&\\_rssarchievementmoa\\_WAR\\_rssbernamamoaportlet\\_jspPage=%2Fhtml%2Farchive%2Ffull\\_view.jsp&\\_rssarchievementmoa\\_WAR\\_rssbernamamoaportlet\\_id=983803](http://www.moa.gov.my/bernama;jsessionid=5146F4C6208F2C7E71A22F2B2E6C7233?p_p_id=rssarchievementmoa_WAR_rssbernamamoaportlet&p_p_lifecycle=0&p_p_state=pop_up&p_p_mode=view&_rssarchievementmoa_WAR_rssbernamamoaportlet_jspPage=%2Fhtml%2Farchive%2Ffull_view.jsp&_rssarchievementmoa_WAR_rssbernamamoaportlet_id=983803). retrieved on 5 November 2015
- Isu-isu Penghasilan Makanan Halal Di Malaysia, [http://studentsrepo.um.edu.my/4342/4/bab\\_4.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/4342/4/bab_4.pdf), retrieved on 15 November 2015
- Khaizie Azimah Ahmad, Nurul Hidayah Mat Nor, Sharina Shariff & Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, (2012). Determinants Of Purchase Intention Towards Halal Products Between Rural And Urban Muslim Consumers In Melacca, Proceedings of International Conference of Islamic Economy And Business
- Laman sesawang HDC, 2015 [http://www.hdcglobal.com/publisher/halal\\_park\\_about](http://www.hdcglobal.com/publisher/halal_park_about), retrieved on 15 November 2015
- Laman sesawang JAKIM, 2015 <http://www.islam.gov.my/en/jakim-dan-kdrm-jalin-perkongsian-pintar>. Retrieved on 5 November 2015
- Liziana Kamarul Zaman & Mariam Setapa. 2014. Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Akta Perihal Dagangan 2011.
- Marco Tieman, (2011),"The application of Halal in supply chain management: in-depth interviews", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 2 Iss 2 pp. 186 – 195
- Mstar. 2012. Mustapha Lawat Taman Halal Untuk Pelan Tingkat Eksport, 16/2/2012. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2012/02/16/mustapha-lawat-taman-halal-untuk-pelan-tingkat-eksport/> retrieved on 10 October 2015
- Norazilawati Md Dahlal. 2015. Pengurusan Kualiti Makanan Halal. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Portal rasmi Halal Malaysia, [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my) retrieved on 5 November 2015
- Temu bual dengan Mohd Romzi Sulaiman, Senior Manager, Global Support Centre, di Halal Industry Development Corporation (HDC), Petaling Jaya pada 27 April 2015.
- Temu bual dengan Mohd Salleh & Jafri, Bahagian Dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Halal Hub Division, JAKIM, Putrajaya pada 27 Julai 2015.

Tun Abdul Hamid Mohamad. 2015. Pembangunan Industri Halal Di Malaysia Daripada Sudut Perundangan. Dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Dan Kewangan Islam 2015 (CMIEF 2015).

Utusan Online. Usahawan IKS bumiputera jangan ketinggalan. 11/4/2014. [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140411/te\\_06Usahawan-IKS-bumiputera-jangan-ketinggalan](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140411/te_06Usahawan-IKS-bumiputera-jangan-ketinggalan). Retrieved on 10 October 2015

Zalina Zakaria & Siti Zubaidah . 2014. The Trade Description Act 2011: Regulating “Halal” in Malaysia. Proceeding paper on International Conference on Law Management and Humanitarian. June 21-22, 2014. Bangkok (Thailand).

Zalina Zakaria & Siti Zubaidah Ismail. 2015. Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 23 (2) :189-216

Zalina Zakaria. 2004. Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12(2): 95-106.

Zalina Zakaria. 2008. Tapping Into World Halal Market: Some Discussion on Malaysian Laws and Standards. *Jurnal Syariah (Special Edition)*. 16(16): 603-616.

Zulkifli Hassan.2007. Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan.Konvensyen Kebangsaan Undang-undang:Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan. 11-12 Ogos 2007.1-21.

Dokumen: Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga)  
Statut: Akta Perihal Dagangan 2011